

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI
Gambar MOHD. HATIM MAZLAN

Bajet penyembuh 'barah' hutang

ANDA kini berada dalam keadaan kewangan yang meruncing. Hanya mampu membayar baki minimum kad kredit setiap bulan, mula mengambil pendahuluan wang tunai serta tidak membayar hutang atau lewat membuat bayaran atau membayar hanya sebilangan bil pada bulan ini dan selebihnya pada bulan-bulan akan datang.

Lebih memedihkan menerima notis bayaran kedua dan ketiga daripada bank atau pemiutang kerana tidak membayar hutang sehingga terpaksa menebalkan muka bagi meminta pinjaman daripada keluarga atau kawan untuk membayar hutang itu.

Simpanan langsung tiada untuk menangani perbelanjaan atau kecemasan yang tidak diduga. Apabila menyebut sahaja soal duit, pertengkaran bakal berlaku dengan pasangan sehinggakan menjadi anda tidak keruan.

Anda sebenarnya berada dalam kemelut kewangan yang parah dan harus bertindak segera, mencari puncanya dan jalan penyelesaiannya supaya ia tidak menjadi 'barah tahap empat'.

Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Mohamed Akwal Sultan berkata, situasi ini berlaku apabila perancangan kewangan yang lemah, tidak mempunyai pengetahuan membuat perancangan kewangan dan tidak berdisiplin di dalam kehidupan seharian.

Perkara ini juga terjadi kerana faktor luar jangkaan seperti masalah kesihatan, kematian pencari nafkah, kehilangan pekerjaan dan kegagalan perniagaan.

"Memang tidak dinafikan bahawa masyarakat Malaysia secara keseluruhannya agak lemah membuat bajet perbelanjaan. Inilah punca segala-galanya yang menyebabkan pengurusan wang tidak teratur sehingga seseorang itu boleh dirundung masalah."

"Tanda yang cukup jelas membezakan seseorang yang hidup dengan selesa tanpa perlu membuat bajet dengan seseorang yang hidup 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' adalah cukup senang."

"Jika seseorang itu pada hujung bulan masih selesa kewangannya dengan mempunyai simpanan, maka dia tidak perlu buat bajet tetapi jika anda sebelum akhir bulan sudah tak ada duit, maka anda wajib membuat bajet."

"Bajet ini penting bagi mendisiplinkan diri dalam berbelanja. Ia boleh membantu anda dalam hidup mengikut kemampuan pendapatan bulanan; memperuntukkan wang atau menabung; mencapai matlamat kewangan; menyediakan dana kecemasan; memupuk tabiat mengurus kewangan yang baik sambil membuat tinjauan atas aliran tunai dan nilai harta bersih," katanya ketika ditemui di ibu



MOHAMED AKWAL SULTAN

GUNAKAN kad kredit hanya untuk membeli barang keperluan, bukan kehendak.
- Gambar hiasan

pejabat AKPK Kuala Lumpur, baru-baru ini. Menurut Mohamed Akwal, satu lagi

kelemahan masyarakat di sini ialah tiada simpanan untuk kecemasan.

"Dicadangkan sekurang-kurangnya lima peratus daripada gaji bulanan diasingkan ke dalam akaun lain sebagai dana kecemasan, pelaburan, perubatan, bencana seperti banjir dan kebakaran atau diberhentikan kerja."

"Pengurusan kewangan yang terbaik ialah berbelanja mengikut kemampuan. Apabila anda hidup mengikut kemampuan, anda juga akan berbelanja mengikut wang yang ada. Keperluan adalah sesuatu yang anda perlu ada kerana anda tidak boleh hidup tanpanya, sebagai contoh, makanan: Manakala kehendak adalah sesuatu yang anda inginkan tetapi tidak semestinya perlu," ujarnya.

Tambah Mohamed Akwal, majoriti yang datang mendapatkan kaunseling dan menyertai program AKPK ialah terperangkap dengan hutang kad kredit.

BILL

BILL

DEBT

DEBT

TAX

BILL

IND

TAX

BAJET perlu bagi menguruskan kewangan dengan cekap.
- Gambar hiasan

TAX

TAX

DEBT



BUAT anggaran untuk perbelanjaan mengikut kemampuan termasuklah pembelian hadiah, keperluan hobi, hiburan dan pergi bercuti. - Gambar hiasan



BAGI mereka yang tidak mampu mengawal perbelanjaan, adalah digalakkan menggunakan kad debit berbanding kad kredit. - Gambar hiasan



BUAT anggaran pendapatan mengikut tempoh bajet yang merangkumi gaji, komisen, elaun dan lain-lain sumber kewangan. - Gambar hiasan

Hutang kad kredit

"Hampir 70 peratus yang datang, mengalami masalah dengan hutang kad kredit. Kita selalu menasihatkan pengguna kad kredit untuk menggunakan hanya untuk membeli barang keperluan bukan kehendak.

"Sebenarnya, banyak perangkap dari segi pembayaran kad ini terutama jika membuat bayaran minimum bulanan kerana anda akan dikenakan caj faedah dan masa yang lebih lama diperlukan untuk menyelesaikan hutang tertunggak.

"Maka adalah lebih baik cuba bayar habis atau jika tidak berkemampuan, ambil inisiatif mengurangkan tempoh pembayaran dalam masa dua tiga bulan sahaja.

"Juga harus sentiasa semak penyata bulanan

kad kredit anda untuk memastikan urusan niaga dan caj yang dikenakan adalah munasabah. Paling penting jangan gunakan kad kredit sekiranya anda tidak boleh membuat bayaran bulanan," katanya sambil mengesyorkan bagi mereka yang tidak mampu mengawal perbelanjaan menerusi kad kredit supaya menggunakan kad debit.

Ujarnya, kad debit menyerupai kad ATM, kecuali anda tidak perlu mengeluarkan wang tunai dari mesin ATM anda. Jumlah yang dicajkan akan ditolak serta-merta daripada akaun bank anda. Kini banyak bank telah

menawarkan kad sebegitu dan anda tidak perlu membawa wang tunai bersama anda.

"Memang tidak salah memiliki kad kredit lebih daripada satu. Apa yang penting ialah kawalan terhadap penggunaannya. Jika seseorang itu ada satu kad kredit pun dia tidak pandai mengawal, bagaimana nak memiliki lebih daripada satu?"

"Namun dinasihatkan cukuplah dengan dua kad kredit. Ini adalah untuk menyenangkan urusan pembayaran dan had kredit.

"Jika satu kad mesinnya rosak, boleh pakai satu lagi. Tapi kalau seseorang itu ada banyak kredit, dia mungkin hilang kawal pentadbir, lupa bayar dan kena keluarkan banyak cek," katanya yang sambil memberitahu golongan yang sering menghadapi masalah hutang ini terdiri dari usia di bawah 40 tahun kerana golongan ini selalunya sudah berkeluarga dan mempunyai tanggungan besar.



BATALKAN semua kad kredit jika tidak mampu mengawal perbelanjaan menerusi kad tersebut. - Gambar hiasan

Tip menyediakan bajet peribadi

- Rujuk kepada matlamat kewangan anda.
- Buat anggaran pendapatan mengikut tempoh bajet. Ini merangkumi gaji, komisen, elaun dan lain-lain sumber kewangan.
- Simpan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada pendapatan anda untuk tabungan.
- Simpan untuk dana kecemasan.
- Buat anggaran untuk perbelanjaan tetap bagi tempoh bajet. Ini merupakan perbelanjaan yang perlu dibayar atau dibelanjakan termasuk sewa rumah, angsuran pinjaman, pembayaran kad kredit dan premium insurans.
- Buat anggaran perbelanjaan boleh ubah bagi tempoh itu meliputi petrol, barang-barang dapur, bil elektrik dan air.
- Buat anggaran untuk perbelanjaan mengikut budi bicara termasuklah pembelian hadiah, keperluan hobi, hiburan dan pergi bercuti.

Tip penggunaan kad kredit

- Pastikan membuat bayaran sepenuhnya untuk mengelak daripada dikenakan faedah.
- Jangan gunakan kad kredit sekiranya anda tidak boleh membuat bayaran bulanan.
- Hadkan bilangan kad kredit anda.
- Jangan sekali-kali menggunakan kad kredit untuk mendapatkan pendahuluan wang tunai dari mesin ATM.
- Bayar sebelum tarikh akhir penyata untuk mengelakkan daripada membayar faedah dan caj bayaran lewat.
- Ketahui akibat hanya membayar jumlah minimum sepanjang masa.
- Jika anda menghadapi masalah aliran tunai, pastikan anda membayar jumlah minimum dahulu diikuti dengan pembayaran penuh secepat mungkin.
- Sentiasa menyemak penyata bulanan kad kredit anda untuk memastikan urusan niaga dan caj yang dikenakan adalah munasabah.

Bantuan mengurus hutang

"Kredit saya keliling pinggang dan tiada tempat untuk mengadu."
 "Mustahil untuk saya menguruskannya sendiri."
 "Lega rasanya apabila ada yang membimbing saya tentang pengurusan wang secara berhemah."

INILAH kata-kata yang terluah daripada ratusan pelanggan yang pada mulanya menghadapi jalan buntu dalam menguruskan hutang dan kewangan yang begitu kritikal. Kini dengan adanya satu badan yang boleh membantu untuk menstrukturkan semula pinjaman seperti perumahan, kenderaan, peribadi atau baki tertunggak kad kredit yang didapati dari penyedia kewangan, maka beban ratusan ribu orang itu akan menjadi ringan.

Setakat 30 Oktober lalu, lebih daripada 106,000 pelanggan telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan hampir 35,000 pelanggan telah

6 Sekiranya selama ini anda hidup dalam keadaan mewah, berkereta mewah, berbelanja besar, mempunyai banyak rumah dan aset, maka dengan menyertai PKK, cara hidup itu perlu berubah.

AKPK boleh membantu untuk menstrukturkan semula pinjaman atau baki tertunggak kad kredit asalkan peminjam sanggup mengikut pelan disediakan. - Gambar hiasan



KAUNSELOR AKPK akan bekerjasama dengan pelanggan untuk menyediakan pelan pembayaran semula pinjaman peribadi melalui rundingan dengan penyedia perkhidmatan kewangan. - Gambar hiasan

dibantu melalui Program Pengurusan Kredit Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

Objektifnya untuk secara proaktif memastikan sektor isi rumah terus berdaya tahan dengan

menyediakan saluran bagi peminjam individu dan bakal peminjam mendapatkan nasihat dan bantuan berhubung dengan pengurusan kredit dan pada masa yang sama, menggalakkan sistem perbankan yang teguh dan mantap dengan memudahkan usaha pembayaran balik hutang dan meminimumkan kes-kes tidak berbayar akibat daripada pengurusan hutang yang kurang cekap.

Ketua Pegawai Eksekutif AKPK, Mohamed Akwal Sultan berkata, semenjak ditubuhkan pada April 2006, AKPK dapat membantu peminjam mengurus belanjawan, menolong membuat pembayaran balik pinjaman dan mengendalikan perbelanjaan harian dengan teratur.

Menariknya, AKPK adalah agensi kedua di dunia yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk membantu pengguna.

"Negara pertama yang mempunyai agensi khidmat kaunseling kredit yang ditubuhkan oleh kerajaan ialah Korea Selatan. Di negara lain, kebanyakan agensi seperti itu digerakkan oleh agensi bukan kerajaan atau swasta.

"Sebab itulah, saya ingin tekankan bahawa perkhidmatan yang ditawarkan oleh AKPK adalah percuma," katanya.

Menurut Mohamed Akwal, terdapat tiga

perkhidmatan yang ditawarkan iaitu pendidikan kewangan untuk kemahiran asas pengurusan wang dan juga tip bagaimana untuk menggunakan kredit secara bertanggungjawab.

Kedua, kaunseling kewangan dan nasihat iaitu untuk menguruskan kewangan anda dengan bijak daripada bajet, pengurusan wang dan isu berkaitan dengan kredit serta mempelajari bagaimana menangani bebanan kredit dengan penuh tanggungjawab untuk masa depan yang cerah.

Ketiga, Program Pengurusan Kredit (PPK) di mana para kaunselor akan bekerjasama dengan pelanggan untuk menyediakan pelan pembayaran semula pinjaman peribadi melalui rundingan dengan penyedia perkhidmatan kewangan.

"Bukan semua pelanggan yang mendapatkan kaunseling layak untuk mengikuti PPK. Ada syarat-syaratnya iaitu mempunyai sumber pendapatan yang positif selepas menolak tanggungan keluarga, jumlah pinjaman tidak melebihi RM2 juta dan tidak berada di bawah tindakan undang-undang tahap lanjut serta tidak diisytiharkan sebagai muflis.

"Apabila syarat itu dipenuhi, maka duit lebihan itu akan dimasukkan ke dalam AKPK bagi diagihkan kepada institusi-institusi kewangan yang menjadi tanggungan pelanggan itu," katanya.

Beliau memberitahu, bagi pelanggan yang menyertai PPK, maka harus mematuhi sekatan yang dikenakan iaitu paling penting ialah mengubah cara hidup sedia ada.

"Sekiranya selama ini anda hidup dalam keadaan mewah, berkereta mewah, berbelanja besar, mempunyai banyak rumah dan aset, maka dengan menyertai PPK, cara hidup itu perlu berubah.

"Pertama harus membatalkan semua kad kredit, menjual salah sebuah rumah atau kereta mewah. Hanya hidup dengan sebuah rumah dan berkereta biasa. Inilah polisi AKPK iaitu kita tolong orang dengan satu rumah, satu kereta.

"Selain itu, nama pelanggan itu akan dimasukkan ke dalam sistem pangkalan data berkomputer yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) sehinggalah jumlah hutangnya selesai dan keluar dari PPK.

"Bagaimanapun satu keistimewaan bagi mereka yang masuk program ini ialah di mana semua tindakan undang-undang yang telah diambil oleh institusi kewangan akan dihentikan buat sementara waktu sehingga pembayaran dibuat mengikut program. Jangka bayaran balik selalunya lima tahun hingga 10 tahun, terpulung aliran tunai seseorang," jelasnya sambil mengalu-alukan lebih ramai lagi yang bermasalah kewangan untuk berkunjung ke AKPK bagi mendapatkan kaunseling.

Ibu pejabat AKPK terletak di Maju Junction Mall, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur dan boleh dihubungi melalui talian 1 800 88 2575.